

Produk Lynas mampu bawa Malaysia ke sektor industri lebih tinggi - Pakar luar negara
Utusan Online
29 April, 2013

PUTRAJAYA 28 April - Nadir bumi yang dihasilkan oleh kilang Lynas di Kuantan, Pahang mampu membawa Malaysia ke dalam sektor perindustrian berteknologi lebih tinggi, kata pakar nadir bumi terkemuka dari United Kingdom (UK), Prof. Dr. David Bradley.

Menurut beliau, sebagai sebuah negara yang bergantung kepada sektor perindustrian untuk memacu pertumbuhan ekonomi, Malaysia boleh melangkah ke sektor industri abad akan datang melalui produk yang dihasilkan oleh Lynas.

"Tidak timbul isu berbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan awam dan alam sekitar kerana loji Lynas atau nama penuhnya Lynas Advance Material Plant (LAMP), dibina dengan tahap piawaian tinggi dan mematuhi piawaian keselamatan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA)".

"Jika bercakap mengenai risiko, kita sebenarnya terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman (risiko) lebih besar dalam kehidupan harian berbanding radiasi yang didakwa terhasil daripada nadir bumi," tegas Profesor Radiasi dan Perubatan Fizik dari University Surrey, UK dalam satu pertemuan di sini baru-baru ini.

Beliau merujuk kepada isu loji Lynas di kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, yang memproses pati lantanida merah yang diimport dari Mount Weld di Australia Barat untuk menghasilkan nadir bumi oksida dan karbonat.

Nadir bumi merupakan sekumpulan 17 mineral yang penting dalam pelbagai teknologi moden umpamanya dalam penghasilan bateri untuk kegunaan kereta hibrid sehinggalah kepada mentol yang menggunakan tenaga rendah.

Kewujudan loji Lynas di Kawasan Perindustrian Gebeng mendapat tentangan daripada penduduk setelah ia didalangi oleh ahli politik yang mempunyai agenda tersendiri dengan membangkitkan pelbagai dakwaan.

Bagaimanapun Mahkamah Persekutuan membenarkan Lynas meneruskan operasi memproses nadir bumi.

Sehubungan itu, Bradley menegaskan, orang ramai yang tinggal di sekitar kawasan loji tersebut tidak seharusnya khawatir dengan risiko yang kononnya terhasil akibat operasi loji Lynas kerana ia adalah jauh lebih kecil berbanding risiko kehidupan harian.

"Umpamanya jika berlaku sesuatu kemalangan, kita akan menggunakan telefon mudah alih untuk menghubungi ambulans dan apabila tiba untuk menerima rawatan, pesakit akan diimbas menggunakan mesin X-ray. Ini adalah contoh peralatan moden menggunakan nadir bumi," katanya.

Beliau yang turut melakukan pemantauan tahap keselamatan di loji Lynas juga berpendapat kerajaan Malaysia telah mengambil langkah perlu untuk memastikan tidak berlaku pencemaran sebagaimana yang disyaratkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB).

Bradley berpendapat Malaysia telah memperkenalkan syarat ketat dan amat konservatif untuk melindungi kepentingan orang ramai bagi memastikan operasi Lynas tidak menimbulkan masalah kepada alam sekitar.

Profesor dari Universiti Surrey itu mempunyai pengalaman selama 30 tahun dalam bidang perlindungan dan fizik radiasi selain mengendalikan lebih 200 penyelidikan dan penerbitan berhubung perlindungan radiasi dan fizik perubatan.

Selain itu, Saintis Perunding Alam Sekitar, perkhidmatan radiasi Australia, Dr. Malcolm Coopers pula berkata, beliau percaya keputusan membina loji Lynas di Kuantan adalah didorong oleh faktor kos pengeluaran yang lebih rendah di Malaysia berbanding di negaranya di mana bahan galian itu di lombong.

"Pada pemantauan saya, dakwaan kononnya loji Lynas akan mengakibatkan berlakunya masalah alam sekitar tidak timbul kerana ia dibina mengikut tahap piawaian antarabangsa tertinggi.

"Selain itu, banyak badan bukan kerajaan (NGO) sentiasa memantau operasi syarikat terbabit dari semasa ke semasa untuk menjamin tahap keselamatannya," jelas beliau.

Nadir bumi ialah sekumpulan 15 unsur kimia yang cukup istimewa sifatnya dan boleh dimanfaatkan dalam pelbagai industri seperti elektronik, paparan komputer dan telefon bimbit, bahan magnet untuk bateri hibrid, turbin angin bagi menghasilkan elektrik, bahan superkonduktor dalam kegunaan kereta api 'peluru' serta perkakasan ketenteraan dan pertahanan.

Unsur nadir bumi amat berguna dalam produk teknologi tinggi dan teknologi hijau.

Projek LAMP yang bernilai RM2.5 bilion dijangka mampu memenuhi 30 peratus daripada keperluan nadir bumi di pasaran dunia, selain pasaran China.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130429/dn_09/Produk-Lynas-mampu-bawa-Malaysia-ke-sektor-industri-lebih-tinggi--Pakar-luar-negara#ixzz2ZoUbi2zx